

Dasar Bush porak-perandakan dunia

Soros mahu Amerika ubah doktrin elak dibenci masyarakat antarabangsa

Oleh Jamhariah Jaafar

PENTADBIRAN George W Bush perlu mengubah dasar luar terutama membabitkan kempen menentang keganasan yang menyaksikan ia mencebong dan menghuru-harakan negara berdaulat terutama Iraq, sekiranya mahu dunia kembali menghormati Amerika Syarikat sebagai kuasa terpenting dunia.

Itu adalah pandangan George Soros, yang dikenali Malaysia sebagai orang yang bertanggungjawab menjunamkan ekonomi negara ketika krisis 1997/98 dan ternyata mempunyai pengaruh besar dalam membentuk pandangan umum di Amerika.

Amat menarik kehadiran singkatnya di Kuala Lumpur turut digunakan untuk bertemu 'musuhnya' Tun Dr Mahathir Mohamad, yang pernah mengkritik lantang tindakannya dalam jual beli ringgit, membuatkan negara ini mengalami krisis ekonomi paling buruk dalam sejarah selepas merdeka.

Namun, dengan usia semakin matang, Soros ketika ini lebih berminat untuk berbicara mengenai cara untuk mencapai keamanan dunia - minat yang sama dengan Dr Mahathir yang kini aktif melalui platform Forum Keamanan Global.

"Dr Mahathir berminat untuk mempromosi keamanan dunia. Saya turut berasa idea hanya untuk bercakap mengenai keamanan tidak mencukupi. Kami berdua setuju mengenai perkara itu dan berkongsi kebimbangan mengenai masa depan peradaban manusia," kata Soros ketika sidang akhbar selepas pertemuan dengan Dr Mahathir di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Soros tidak teragak-agak mengkritik lantang pentadbiran Bush dan mengakui Presiden Amerika itu melakukan kesilapan apabila mengambil tindak balas ke atas kumpulan pengganas, selepas negaranya diserang pada 11 September, 2001.

Katanya, tindakan memerangi keganasan menyebabkan mereka membunuh manusia tidak berdosa semata-mata untuk memenuhi agenda politik yang sempit.

"Tapi dalam memerangi kumpulan ini, kita (Bush) tidak patut menggunakan taktik ganas yang sama, apa lagi apabila pentadbiran Bush pergi lebih jauh dengan mengabaikan dan menyiksa rakyat Iraq. Akibatnya, seluruh dunia kini melihat Amerika sama seperti mereka melihat kumpulan pengganas.

"Keadaan itu menyukarkan rakyat Amerika untuk memahami kerana orang Amerika tidak seperti itu, mereka mempunyai niat baik dan tidak faham apabila mereka

dianggap sebagai penjenayah. Inilah akibat daripada tindakan mereka memerangi pengganas.

"Amerika silap dan apa yang dilakukan membuahkan hasil sebaliknya, iaitu daripada niat untuk mengurangkan pengganas, kini mencetuskan lebih banyak ancaman pengganas hari ini," katanya mengakui kesilapan kempen memerangi keganasan yang dilancarkan pentadbiran Bush selepas tragedi 9/11.

Tragedi 11 September, 2001, membuatkan senario dunia berubah sama sekali apabila kumpulan al-Qaeda di bawah kepimpinan Osama bin Laden, diburu Amerika sehingga menyaksikan Afghanistan dicebong dan musnah bagai padang jarak padang terkukur, disusuli pencerobohan ke atas Iraq yang didakwa menjadi pelindung Osama, sebelum pentadbiran Bush menggulingkan pemerintahan kuku besi Saddam Hussein dengan alasan negara itu memiliki senjata nuklear.

Pencerobohan sejak 2003, belum berakhir hingga sekarang. Walaupun Saddam sudah diguling, dibicara dan rakyat Iraq mendapat kerajaan yang menjunjung demokrasi, Amerika belum keluar dari negara itu.

Tindakan Bush yang memberi gambaran negatif terhadap Islam dengan tanggapan awal mengaitkan umat Islam dengan kegiatan pengganas, menaikkan kemarahan seluruh umat Islam dan dunia. Jika dari awal hanya umat Islam yang membidas lantang terhadap pencerobohan Iraq, namun sejak akhir-akhir ini rakyat Amerika sendiri mengutuk tindakan Bush yang membuatkan semakin ramai tentera Amerika maut di Iraq setiap hari.

Justeru, pertemuan Soros dan Dr Mahathir, walaupun pernah bermusuhan, namun kesedaran dan keinsafan dua tokoh terkemuka dunia untuk mengembalikan keamanan dan merapatkan hubungan yang tegang antara Timur dan Barat, sebenarnya perlu diperluaskan kepada gabungan seberapa banyak tokoh dunia yang lain.

Hanya dengan gabungan tenaga tokoh terkemuka, barulah suara penentangan warga dunia akan didengar oleh pemimpin seperti Bush.

Soros secara peribadi berpendapat dan berharap Amerika dapat mengakui kesilapan dilakukan selama ini dan mencari jalan lain dalam menangani punca sebenar mengapa dunia 'membenci' mereka.

Sebagai Yahudi, dia turut mengaku kekejaman yang berlaku di negara seperti Palestin tidak lagi boleh diselesaikan melalui ancaman ketenteraan kerana penyelesaian melalui cara politik, ~~tidak~~ dimu-

lakan secepat mungkin.

"Usaha ke arah itu sudah pasti sukar memandangkan kemusnahan yang begitu buruk sudah berlaku tapi kami berharap kita tidak terlewat (untuk mencari penyelesaian damai)," katanya.

Bagi Soros, perkara pertama yang perlu dikaji dan diberi keutamaan ialah doktrin pertanggungjawaban yang mesti dijulang semula (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)). Doktrin yang diterima pakai PBB itu menegaskan kedaulatan memang hak sesuatu rakyat tetapi kadangkala pemerintah mengkhianati kepercayaan yang diberi dalam melaksanakan kedaulatan yang ada, malah menindas sehingga ada yang melakukan pembunuhan beramai-ramai.

"Kerana itu masyarakat antarabangsa bertanggungjawab mempertahankan rakyat seperti ini daripada pemerintah mereka. Ini adalah doktrin yang sungguh mantap, tetapi ia perlu diperkukuhkan," katanya mengenai doktrin yang dicabul pemerintahan Bush apabila menceroboh Iraq dengan matlamat kononnya untuk membebaskan rakyat negara itu daripada pemerintahan kuku besi Saddam.

Katanya, tindakan Amerika menceroboh Iraq membuat PBB sukar meminta dunia menerima doktrin ini kerana warga dunia sekarang penuh dengan syak wasangka terhadap niat Amerika apabila cuba meng-

hulur bantuan kepada sesebuah negara.

"Sebarang tindakan (untuk memberi bantuan kepada sesebuah negara) mesti dilakukan oleh masyarakat antarabangsa (melalui PBB) bukannya diputuskan oleh hanya sebuah negara. Dalam hal ini (Iraq) bertindak bersendirian dan tindakan itu salah," kata Dr Mahathir yang mendengar teliti pendapat Soros membabitkan Iraq.

Dr Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri dan Soros bersetuju dalam beberapa perkara, peperangan memang tidak boleh dielakkan. Justeru mendengar kedua-dua pihak bertukar pendapat mengenai usaha menjadikan peperangan satu jenayah," kata Dr Mahathir mengenai Soros yang pernah mengugut kedudukan ekonomi Malaysia, tetapi mereka kini boleh berganding bahu untuk mewujudkan sebuah dunia yang lebih aman dan stabil.

"Dalam beberapa hal kita mempunyai pendirian yang sama. Isu seperti Palestin, tindakan Amerika dan kesilapan Bush ke atas Iraq. Saya juga mencadangkan kepada Soros supaya menyokong usaha kita ke arah keamanan terutama mengenai menjadikan perang satu jenayah," kata Dr Mahathir mengenai Soros yang pernah mengugut kedudukan ekonomi Malaysia, tetapi mereka kini boleh berganding bahu untuk mewujudkan sebuah dunia yang lebih aman dan stabil.

Dengan pengalaman, pengaruh dan ketokohan, yang dimiliki kedua-dua manusia berkaliber dunia jika digandingkan sudah pasti dapat membantu dunia berdepan dengan sikap angkuh Amerika.